

MAKLUMAN MEDIA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
7JANUARI 2018 (ISNIN)

BIL.	TAJUK	MUKA SURAT	AKHBAR
1.	OK Group bakal perluas pasaran global	M45	Kosmo

Disediakan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat (UKK)

Kementerian Pembangunan Usahawan

OK Group bakal perluas pasaran global

KOSMO 7/1 MYS

MELAKA - Orang Kampung Holdings (M) Sdn. Bhd. (OK Group), pengeluar minuman herba tempatan, sedang menunggu kelulusan daripada pihak berkuasa di beberapa negara dalam usahanya untuk meluaskan pasaran antarabangsa.

Pengurus Operasi OK Group, Noorhady Mokhtar berkata, proses pendaftaran produk syarikat itu ke pasaran China, Indonesia dan negara Asia Barat seperti Arab Saudi dan Dubai dijangka selesai pertengahan tahun ini.

Menurutnya, antara produk yang akan dibawa masuk ke pasaran baharu itu ialah minu-

man tenaga termasuk Long Jack dan Kacip Fatimah selain minuman segera seperti Green Tea Latte.

"Kami berharap proses pendaftaran masuk bagi produk keluaran syarikat ke pasaran baharu ini dapat dimuktamadkan selewat-lewatnya pertengahan tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Beli dan Menang bersama Orang Kampung di sini semalam.

Sebelum ini produk keluaran Ok Group telahpun menembusi pasaran Brunei, Singapura, Hong Kong dan Filipina. - Bernama



NOORHADY (tiga dari kiri) bersama sebahagian daripada pemenang peraduan anjuran OK Group di Melaka semalam.